

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha Kerajaan dalam pengawalan caj perkhidmatan Telco dan tahap perkhidmatan yang dibekalkan khasnya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar pakej jalur lebar tetap, jalur lebar tanpa wayar dan jalur lebar mudah alih ditentukan oleh faktor-faktor pasaran, perlindungan pengguna dan keadaan ekonomi semasa. Persaingan secara sihat di kalangan penyedia perkhidmatan komunikasi di Malaysia mewujudkan ekosistem industri telekomunikasi yang lebih mampan dan dapat memberikan faedah terbaik kepada rakyat. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) sentiasa memantau harga untuk pakej jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih prabayar dan pascabayar bagi menjaga kebajikan rakyat di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar.

2. Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM98), terdapat beberapa mekanisme melalui mana Kerajaan dapat memastikan caj perkhidmatan yang dikenakan adalah berpatutan dan mampu milik.

3. Selain daripada itu, SKMM juga boleh menggunakan instrumen perundangan seperti standard mandatori untuk meningkatkan persaingan sebagai contoh Standard Mandatori mengenai Harga Capaian (*Mandatory Standard on Access Pricing* atau MSAP) yang membolehkan pemberi perkhidmatan memperoleh harga borong yang lebih rendah. Dengan harga yang lebih rendah, mereka boleh menawarkan pakej runcit baharu kepada pengguna pada harga mampu milik yang lebih berdaya saing (*competitive*).

4. Untuk makluman YB jua, harga untuk perkhidmatan syarikat telekomunikasi di Malaysia adalah berpatutan. Untuk perkhidmatan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi, Telekom Malaysia (TM) menawarkan pakej asas iaitu 30Mbps pada harga RM79 sebulan (harga sebelum SST). Harga pakej 30Mbps di Malaysia adalah paling rendah jika dibandingkan dengan pakej yang sama di negara-negara lain di rantau ASEAN.

SOALAN NO : 50

5. Manakala, harga pakej perkhidmatan mudah alih di Malaysia adalah kompetitif kerana terdapat pelbagai pakej dan perkhidmatan nilai tambah yang ditawarkan. Pengguna boleh menikmati perkhidmatan mudah alih dengan harga serendah RM8. Tambahan pula, pada masa ini, pembekal perkhidmatan mudah alih utama turut menawarkan sehingga 30GB sebulan secara percuma (1GB data harian) mulai 1 April 2020 hingga 31 Disember 2020.
6. Dengan adanya pelbagai pelan yang ditawarkan pada kadar harga yang berpatutan, pengguna bukan sahaja boleh memilih pemberi perkhidmatan mereka, malahan dengan adanya *Mobile Number Portability*, pengguna boleh menukar pemberi perkhidmatan mereka dengan mudah untuk mendapatkan pakej yang lebih kompetitif.
7. Jelas, terdapat pelbagai pilihan untuk pakej jalur lebar tetap dan jalur lebar mudah alih mengikut kemampuan kewangan pengguna. SKMM sentiasa komited bagi memantau pakej dan harga yang ditawarkan kepada pengguna bagi memastikan pengguna dapat menikmati kelajuan yang lebih tinggi pada harga yang berpatutan.
8. Instrumen perundangan juga digunakan untuk memastikan tahap perkhidmatan yang dibekalkan adalah memuaskan seperti Standard Mandatori bagi Kualiti Perkhidmatan (MSQoS), yang mana kegagalan untuk mematuhi akan dikenakan tindakan oleh SKMM.